

19/05/2002

Agenda Anita

Ellyna Ali

DAPATKAH anda bayangkan bagaimana keadaannya apabila pada suatu pagi, peminat Anita Sarawak terserempak secara tidak sengaja dengan superstar kesayangan mereka itu di sebuah hotel?

Memang tergamam dibuatnya namun geli hati juga melihat gelagat segelintir mereka itu yang terkedu kerana tidak percaya bahawa orang di depan mereka itu adalah Anita Sarawak.

Pun begitu, selepas menyedari mereka di alam nyata, mereka terus mengerumuni Anita seperti semut mendapat gula. Kesempatan yang singkat tetapi cukup mahal dan berharga itu digunakan sepenuhnya untuk bergambar mesra dan mendapatkan autografnya.

Anita yang memang sentiasa profesional tidak keberatan memenuhi setiap kehendak peminatnya, biarpun ketika itu dia sebenarnya cukup sibuk menjayakan rakaman rancangan Mahligai terbitan rakan baiknya di Singapura, Mohd Yusof Ismail.

Di hotel berkenaan, Mandarin Oriental, Anita yang sentiasa ditemani suami tersayang, Mohd Mahathir Abdullah, Yusof serta krew rancangan yang berkonsepkan home deco itu menjengah pula rumah produser Serangkai Filem yang juga penulis lirik terkenal, Habsah Hassan (Kak Chah).

Untuk pengetahuan semua, Kak Chah pernah menulis lirik untuk sebuah lagu dendangan Anita Sarawak berjudul Kini Kau Pulang dari album Asmara.

Bersama Kak Chah, Anita banyak menanyakan soalan mengenai kerjayanya sebagai penerbit, caranya membahagikan masa dalam bertugas serta filem ketiganya yang bakal terbit iaitu Soalnya Siapa.

Terlanjur jumpa Anita Kak Chah tiada rancangan tawarkan Anita berlakon? Mana tahu selepas ini ada pula filem terbitan Kak Chah berjudul Soalnya Anita lakonan Anita sendiri. Gerenti meletup panggung!

Wawancara bersama Kak Chah dilakukan selama tiga jam. Selepas itu Kak Chah bergegas melawat teman artisnya, Biduanita Datuk Rafeah Buang di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Anita yang baru dimaklumkan bahawa Rafeah kini terlantar sakit di hospital akibat menderita penyakit kanser, terus sedih. Penyanyi lagu Akhirnya Kini Pasti itu mengakui Rafeah adalah antara rakan baiknya di sewaktu Singapura dulu. Dengan air mata tergenang, Anita berpesan kepada Kak Chah supaya menyampaikan salamnya kepada Rafeah.

Destinasi seterusnya pada hari itu ialah kediaman indah Datin Faridah Effendi, isteri Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi. Faridah yang sememangnya begitu mencintai dunia muzik juga seorang usahawan berjaya. Nyata, Anita turut mengkagumi wanita korporat yang berkaliber itu yang juga menguruskan studio rakaman terancang, Synchronsound, di Petaling Jaya.

Dalam rakaman rancangan ini, Faridah bukan saja memperkatakan mengenai kerjaya serta rumah tangga tetapi turut menunjukkan kehandalan menyediakan asam laksa. Memang tidak dinafikan wanita yang bijak bergaya itu memang pandai menyediakan laksa yang rasanya.... begitu ummmph!

Sewaktu menyediakan masakan itulah Faridah tidak habis-habis memuji kecantikan Anita. Rupa-rupanya beliau memang sudah lama terpikat dengan bakat serta keanggunan anak primadona Siput Sarawak itu.

Yang yang pasti, hari itu memang hari yang sibuk buat Anita. Meskipun terpaksa bergegas ke sana-sini demi menjayakan rakaman Mahligai, perkataan penat tidak terbit langsung dari mulutnya.

Buat masa ini Anita sedang berada di Las Vegas. Selepas rakaman di Kuala

Lumpur selesai tempoh hari, Anita dan Mahathir terus `terbang' ke Amerika Syarikat kerana ingin menjenguk kediaman mereka yang sudah lama di tinggalkan.

Apa yang menarik, ketika di Las Vegas, Anita sempat menghubungi wartawan hiburan Berita Harian untuk bertanyakan khabar. Jika tiada aral melintang, Anita akan kembali ke Malaysia 27 Mei nanti.

(END)